Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm. 89-100
e-ISSN: 2600-8726© Siti Noor Soffera Zainuddin
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

K. BALI DAN "BANGSA SABAH", (1956-1963)

K. Bali and the "Sabah Nation", (1956–1963)

Siti Noor Soffera Zainuddin*

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: *sofferazainudin@gmail.com*

Dihantar: 15 Mei 2026 / Penambahbaikan: 27 Jun 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Kajian ini memfokus kepada tokoh intelektual iaitu K. Bali di Sabah (1956-1963): tempoh penting menjelang pembentukan Malaysia. Kajian ini meneliti gagasan penulisan dan wacana K. Bali yang memperlihatkan usaha beliau menyuntik semangat kesedaran puterabumi Sabah terhadap pemurnian sosiobudaya dan autonomi wilayah. Ia menjadi pemangkin hebat dalam penulisannya yang ditulis dalam ruangan akhbar *North Borneo News & Sabah Times.* Bersandarkan kepada sumber primer dan sekunder, penelitian awal berkaitan penulisan K. Bali yang merangkumi pelbagai genre: puisi, sajak, syair, cerpen, novel dan rencana beliau dalam akhbar tempatan kurang diserlah. Kajian ini mendapati perjuangannya bersifat *avant-grade* kerana menolak kolonialisasi dan superioriti Malaya serta mengusulkan satu model baru iaitu "Bangsa Sabah" secara inklusif. Tuntasnya, kajian ini dijalankan bagi mengetengahkan pemikiran dan perjuangan K. Bali berdasarkan kepada kegiatan penulisannya pada tahun 1956-1963.

Kata Kunci : K. Bali, Bangsa Sabah, Penulis Sastera

Abstract

This study focuses on the intellectual figure K. Bali in Sabah during the period 1956–1963, a crucial phase preceding the formation of Malaysia. It examines K. Bali's ideas and literary discourse, which reflect his efforts to instil a sense of political and cultural consciousness among the indigenous people of Sabah regarding socio-cultural reform and regional autonomy. These aspirations became a

major driving force behind his writings published in the North Borneo News and Sabah Times. Drawing upon both primary and secondary sources, this study highlights that K. Bali's literary contributions, encompassing various genres such as poetry, verse, short stories, novels, and newspaper essays, have received relatively little scholarly attention. The study finds that his intellectual struggle was avant-garde in nature, as he opposed colonialism and the perceived political and cultural superiority of Malaya while proposing a new and inclusive model of identity, namely the concept of "Bangsa Sabah" (Sabah Nation). Ultimately, this study seeks to highlight K. Bali's intellectual thought and struggle through an analysis of his writings produced between 1956 and 1963, thereby demonstrating his contribution to the development of Sabah's socio-political consciousness during the period leading to the formation of Malaysia.

Keywords ***:*** *K. Bali, Bangsa Sabah (Sabah Nation), literary writer*

Pengenalan

K. Bali pernah mempersoal nama asal *North Borneo,* Borneo Utara atau Sabah, sebutan itu sudah cukup menjadi perdebatan selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua. Pada ketika itu, Sabah berstatus jajahan Mahkota British. Dalam tempoh kritikal ini, berlakunya kemunculan ideologi baharu yang dijadikan sebagai penyuntik semangat nasionalisma dan berpolitik dalam kalangan puterabumi Sabah. Pada ketika itu, belum timbul bibit kesedaran dalam diri puterabumi Sabah bersatu untuk membela nasib bangsa dan masyarakat Muslim (Melayu). Keadaan ini menyebabkan Muslim Brunei tetap menegakkan prinsipnya: Muslim Brunei mendakwa mereka lebih bertamadun jika dibandingkan dengan masyarakat Muslim yang lain seperti Bajau (Jainuddin Mahli (1992). Usaha menjadikan bangsa Bajau yang tidak bertamadun ini masuk dalam entiti Melayu dan Muslim, sudah cukup jelas memperlihatkan struktur sosial berasaskan etnik dan bangsa. Kesan pengaruh etnosentrik Melayu Brunei ini telah mencetuskan ideologi baharu, keterbatasan mobilisasi berasaskan etnik dan bangsa ini wajar digantikan dengan sebuah penyatuan inklusif bukan terikat kepada identiti komunal yang sempit. Disinilah letak pentingnya ideologi alternatif yang dibawa oleh K. Bali, seterusnya menjadi landasan tuntutan pemurnian sosiobudaya di Sabah.

Kehidupan Awal K. Bali

Pengenalan ringkas tentang tokoh K. Bali, beliau merupakan anak kelahiran Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan dan dilahirkan pada 15 Jun 1933, bersamaan 21 Safar 1352 Hijrah: semasa era Perang Dunia Kedua. Dalam pada masa yang sama, beliau membesar dalam lingkungan budaya Melayu yang kuat dengan tradisi Islam. Sejak awal, K. Bali terdedah dengan peristiwa kolonialisasi, pergolakan perang, masalah kemiskinan, polarisasi etnik dan masalah sosial yang lain. Pada peringkat awal, K. Bali cenderung berminat dalam arena penulisan sastera, ketika itu beliau berusia 12 tahun. Tambahan lagi, penggembaraannya ke Selatan Thailand dan Indonesia memperluas pandangan beliau lagi tentang perjuangan sosiobudaya. Lebih-lebih lagi penggembaraan ini berlaku dalam konteks kawasan sempadan yang memang kaya dengan jaringan budaya Melayu. Di Selatan Thailand misalnya, beliau terdedah dengan dasar asimilasi kerajaan Thailand, seterusnya membentuk tanggapan baharu kepada pemikiran beliau agar terus mempertahankan sosiobudaya Melayu.

Dalam perkembangan yang sama, setelah lulus peperiksaan Matayom III (Tingkatan Tiga) di Sekolah Menengah Pracha Nukheroh, Thailand. K. Bali bertindak meneruskan pendidikannya pada peringkat Sarjana di Universitas Nasional indonesia, Jakarta dan memperolehi sijil dengan kelulusan Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Bahasa dan Sastera Indonesia. K. Bali tidak pernah berhenti belajar ilmu penulisan dan usaha ini juga dilihat apabila beliau berguru dengan orang hebat dalam mengasah bakat penulisannya dan mengikuti kursus bertulis bertaraf diploma (K. Bali, 1973). Hal ini membawa kepada pendedahan secara langsung dalam arus kebangkitan semangat nasionalisma serantau khususnya Indonesia. Tidak dapat dinafikan ketika itu, Indonesia terus aktif dalam usaha penyatuan sebuah bangsa Indonesia serta gerakan penulis *avant-grade* yang memperjuang pembebasan daripada cengkaman kolonialisasi. Pendedahan ini secara tidak langsung menjadi pencetus utama semangat beliau dalam memperjuang kemerdekaan Sabah khususnya.

Menurut Yamamoto Hiroyuki, K. Bali dipercayai telah memeluk agama Islam ketika beliau berusia 21 tahun: setelah kembalinya beliau ke Kelantan pada tahun 1954. Bertitik tolak daripada itu, K. Bali dilahirkan dengan nama sebenarnya ialah Teng Benh Chuan, kemudian dikenali sebagai Abdul Rahim Abdullah selepas memeluk Islam. Beliau dibesarkan dalam sebuah keluarga yang sederhana bersama kedua

ibubapanya, Abdullah dan Halimah serta kakaknya iaitu Noraini binti Abdullah (Yamamoto Hiroyuki (2001). K. Bali memperlihatkan transformasi kehidupannya: seorang anak muda yang berasal dari kampung kepada penulis yang membawa ideologi besar melalui penjelmaan konsep model '"Bangsa Sabah" buat negeri Sabah. Hal ini dapat dilihat melalui penghasilan karya-karya penulisan beliau dalam akhbar tempatan. Pendedahan terhadap konsep ideologi baharu ini mendapat pelbagai respon dalam kalangan puterabumi Sabah pada ketika itu.

Tegakkan Sebuah Perjuangan

Pada zaman serba serbi maju ini, anak-anak kita perlulah kita berikhtiar memberikan pelajaran kepadanya (tidak berguna tonjolkan duit banyak kepadanya). Al-Hadis menyatakan: "Memberikan pelajaran dan didikan kepada anak-anak lebih baik daripada bersedekah segantang beras". Kalau kita memiliki ilmu pengetahuan yang baik, kita mestilah menggunakan fikiran kita yang waras, kerana kalau semata-mata kita memiliki ilmu tetapi tidak berpandukan akal mungkin pada satu ketika kita akan tergelincir, kata Lokman Hakim: "Bagaimana alimnya seseorang itu, tidak akan dapat ia menggunakan ilmunya kalau tidak berpandukan dengan akalnya" (Sabah Times (1993).

K. Bali seorang Melayu-Siam-Cina, beragama Islam dan perjuangannya untuk memajukan puterabumi Sabah khususnya. Keadaan ini tercetus melalui pemahaman beliau dalam melihat rancah politik Sabah khususnya, Malaysia umumnya yang berdepan dengan kemunduran dan perlu diperbaharui melalui pendekatan dalam menitik beratkan soal pelajaran seperti yang ditegaskan beliau dalam pernyataannya di atas. Dalam pernyataan di atas, jelas pemikiran dan kefahaman K. Bali tentang nasib yang membelenggu bangsanya dewasa itu. Pendirian politik beliau turut menyerlahkan pemikirannya berkait dengan Islam, pendidikan, bahasa Melayu dan ekonomi. Jika dilihat pemikiran K. Bali, tema utama dalam pemikiran politik beliau mencakupi dua aspek utama. Pertama, sikap golongan feudal (golongan kaya), dan kedua humanistik. Aspek kedua merujuk kepada kritikan dan cara puterabumi Sabah untuk mengatasi kemelut politik yang menindas serta mendiskriminasi mereka sejak sekian lama (K. Bali, 1999). Sehubungan dengan itu, K. Bali inginkan masyarakat Muslim menggunakan pendekatan ajaran Islam sepenuhnya dalam

kehidupan – tidak tersasar jalan dan menjadi panduan hidup di dunia dan akhirat. Harapan K. Bali agar masyarakat tidak melupakan aspek pendidikan, bahasa Melayu, ekonomi dan juga bebas daripada cengkaman superioriti Malaya, sekali gus merdeka daripada sebarang bentuk penjajahan asing.

Sikap Anti-Golongan Kaya

Persoalan penting yang perlu dijawab berkait isu wujudnya kritikan-kritikan sinis terhadap golongan atas, kaya dan berpengaruh ini kerana, pertamanya mereka kaki dan tangan pihak kolonial sepanjang zaman penjajahannya. Kedua, sikap mereka yang mengendahkan atau menutup mata terhadap masalah "kemiskinan" yang meliputi pelbagai aspek: rohani dan jasmani yang menghambat masyarakat puterabumi-Muslim di Sabah khususnya. K. Bali percaya, selaku golongan berpengaruh ini yang memang berada pada status hierarki sosial tertinggi dalam kelas masyarakat. Peranan dan politik mereka perlulah menjadi 'payung' kepada rakyat. Tetapi apa yang dilihat dalam konteks pemerhatian K. Bali dewasa itu bercanggah dan ini dikritik oleh beliau dalam ayat di bawah berikut:

> Orang kaya ingin makan sedap-sedap
> Sehingga kenyang perut menjadi buncit
> Sekiranya sekadar untuk hidup
> Makan sekadar yang ada dan terdapat.
>
> Orang pintar seperti cendikiawan mengukur makan untuk hidup
> Makan makanan yang berzat
> Boleh membantu pembesaran badan kecemerlangan otak
> Menggunkan fizikal dan pemikiran maju
> Itulah tanda manusia yang bijaksana (K. Bali, 1999).

Kritikan halus tetapi tegas K. Bali terhadap golongan berpengaruh ini adalah kerana beliau mendapati bahawa golongan tersebut langsung tidak berminat untuk memajukan atau berminat dalam membantu puterabumi Sabah. Walhal, mereka mempunyai kuasa dan wang yang mampu dari segala aspek, namun lebih kepada penghasilan dan kepentingan diri sahaja. Wajarkah keadaan ini berlaku dan apakah K. Bali hanya berdiam diri. Dimanakah nilai kemajuan puterabumi sendiri dimata golongan berpengaruh ini?.

Adakah hidup rakyat sebagai taruhan bagi golongan berpengaruh. Hal ini dikritik oleh beliau dan diperjelas dalam kata-kata beliau:

> Orang yang ada nilai kemanusiaan paling sedikit jumlahnya
> Orang yang melakukan segala-galanya untuk diri sendiri
> Dan untuk masyarakat, agama, bangsa dan tanah airnya
>
> Orang yang punya harga diri sederhana
> Orang yang berjuang untuk segolongan manusia
> Orang yang mampu menilai kesanggupan tinggi
>
> Pejuang yang berkerja untuk bangsa dan negaranya
> Tanpa memikirkan penat lelah dan tenaga sukarelawannya
> Tercatat dengan tinta emas di lembaran sejarah bangsanya
> K. Bali (1999).

Jika dilihat pemikiran K. Bali terhadap golongan kaya dan berpengaruh ini, yakni mereka sepatutnya berjuang untuk bangsa kerana mereka merupakan golongan berpengaruh dalam lingkungan puterabumi Sabah. Pada dasarnya, dari aspek pemerhatian dan pengetahuan K. Bali yang telah dicatat dalam penanya tentang golongan yang sepatutnya menjadi 'payung' kepada masyarakat ini yang hanya mementingkan kepada kepentingan dan kemajuan bangsanya hanya sedikit, itupun boleh dihitung bilangannya. Mungkin satu atau dua orang sahaja yang sanggup melakukannya. Sikap mereka yang menghalang mereka untuk berbuat demikian. Apa yang diperkatakan K. Bali menjurus kepada isu pendidikan puterabumi Sabah terabai, bahasa Melayu mundur, ekonomi Melayu kebelakang berbanding ekonomi orang asing (yang sepatutnya menguasai ekonomi wilayah justeru puterabumi Sabah yang mempunyai autonomi mutlak ke atas wilayah sendiri). Hal ini diperjelaskan oleh beliau bahawa kawasan pusat bandar dipenuhi atau dikuasai oleh pedagang-pedagang bangsa asing (K. Bali, 2002).

Dalam perbincangan yang lain, institusi pemerintahan tradisi tidak dihapuskan oleh SBBUB di Sabah malah dikekalkan sebagai alat untuk membantu pegawai British melicinkan pentadbiran dan memudahkan tujuan eksploitasi ekonomi berjalan dengan lancar. Kita sedia maklum bahawa, kedudukan golongan kaya (golongan kaya dan berpengaruh yang disebutkan di atas) tetap dengan pengaruhnya, namun perlu mendapatkan pengiktirafan rasmi daripada pihak

kompeni British. Oleh itu, pengekalan sistem ini dan kemasukan SBBUB di Sabah tidak membawa sebarang kemajuan yang dimaksudkan oleh K. Bali. Sebaliknya masih wujud 'kemiskinan' yang cuba diperkatakan beliau dalam setiap penulisannya. Konsep 'kemunduran' dalam kehidupan masyarakat Melayu masih berlegar di sepanjang zaman beliau.

Menurut penelitian dan pemerhatian beliau tentang kehidupan puterabumi Sabah yang masih jauh kebelakang adalah kerana pelbagai dasar yang menjadi boneka orang putih. Apa yang cuba dimaksudkan oleh K. Bali adalah SBBUB mewujudkan dasar sosial yang pastinya dijadikan sebagai hiburan puterabumi Sabah. Pada dasarnya, terdapat agenda disebaliknya. Hal ini jelas melalui pemerhatian K. Bali ketika mengikuti rombongan seni menjelajah pantai barat dan pantai timur Sabah. Menurut beliau, pegawai SBBUB telah meracuni pemikiran puterabumi Sabah dengan pelbagai hiburan yang melalaikan sehinggakan mereka ini tidak memperdulikan lagi tentang aspek kemajuan bangsa. Apa yang jelas golongan ini tiada masa untuk memikirkan soal pendidikan, bahasa Melayu, ekonomi dan perjuangan menuntut kemerdekaan bagi Sabah, tegas K. Bali (K. Bali, 2002).

Seterusnya, K. Bali memberi perkaitan sikap kurang endah golongan kaya dan berpengaruh di awal perbincangan topik ini. Lazimnya, mereka sudah diberi banyak kelebihan seperti elaun, kebajikan dan gaji. Bentuk sogokan ini yang telah menjadikan sikap mereka tidak ambil peduli tentang apa yang berlaku disekeliling mereka. Mereka diibaratkan seperti kerbau dicucuk hidung. Hal ini jelas diperkatakan oleh K. Bali dalam penulisannya dengan merujuk golongan kaya dan berpengaruh tersebut sekadar lalu dan meninjau (menjalankan tugas seperti boneka) kawasan tapak perjudian dan dia tidak mengambil tindakan langsung tentang aktiviti perjudian yang berlangsung pada ketika itu (K. Bali, 2002). Padahal kegiatan berjudi dan mabuk perkara yang tidak mendatangkan faedah, merugikan dan ditegah dalam masyarakat Islam.

Udang
Sedap dimakan baunya menarik
Janganlah muliakan otak udang

Kerana otaknya bercampur tahinya
Jangan melihat perilakunya
Kerana udang makan kotoran
Udang yang memakan makanan orang feudal
Akan ada rasa sedapkah atau tidak?
Tidak dapat dipastikan (K. Bali, 2002).

Dalam pernyataan K. Bali di atas jelas memperlihatkan kesungguhannya agar tidak terikut-ikut dengan sikap golongan kaya dan berpengaruh. Keadaan ini hanya akan menjadi barah yang akan merosakan kehidupan dan pemikiran puterabumi Sabah. Namun, apa yang berlaku adalah sebaliknya, setiap dasar SBBUB akan disokong kuat oleh golongan yang disebutkan di atas. Sesiapa yang menjadi kaki dan tangan dalam kerajaan SBBUB akan tetap menyokong setiap dasar yang diperkenalkan tanpa ragu. Tidak dapat dinafikan, keadaan ini yang memaksa golongan ini seperti kerbau dicucuk hidung kerana tidak ingin pangkat dan kedudukan menjadi cagarannya. Hal ini secara sinis diperkatakan oleh K. Bali kerana jelas bertentangan dengan pandangannya. Justeru, K. Bali turut mengelar golongan ini seperti "kacang". Dalam konteks pemikiran K. Bali, kacang yang dimaksudkan di sini bukanlah seperti kacang lupakan kulit tetapi lebih mendalam maksudnya:

Direbus atau digori[]ng
Dijadikan Minyak
Tetap Lemak Tetap Sedap
Itu Kacang Makanan

Kalau Kacang Masyarakat
Ada yang kini Lupakan Kulitnya
Malah ada yang Lupakan Pokoknya
Itulah Kacang Membelit dan Melilit (K. Bali, 1973).

Humanistik

Dalam konteks pemikiran humanistik K. Bali, jelas beliau menekankan prinsip akal atau berakal fikiran dalam sisi kehidupan secara holistik. Jika dibahas dalam konteks penulisan K. Bali lebih terarah kepada nilai kasih sayang jitu dan nilai tanggungjawab yang perlu dipikul oleh manusia sejagat serta perjuangan hidup. Tanpa ragu K. Bali sedang meniupkan bibit kesedaran tentang realiti dunia yang mencabar dalam konteks zamannya. Hal ini jelas dalam pernyataan beliau berikut:

> "Sesungguhnya sehingga sampai hari inipun saya merasai diri saya ini masih bodoh, bodoh kerana saya tidak tahu. Oleh kerana menyedari, saya ini "bodoh" saya pun berusaha ber[]lajar apa saja. Makin belajar saya semakin berasa, saya masih ada kebodohan" (Sabah Times (1993).

Dalam konteks pemikiran K. Bali, melalui wacana beliau di atas: melambangkan sifat rendah diri yang tinggi dan tidak mengabaikan ilmu sebagai jambatan memperbaiki diri. Sedar akan pendidikan itu penting untuk mendidik manusia menjadi lebih sempurna dari segala sisi kehidupan. K. Bali sering menjadikan karya penulisannya sebagai senjata utama untuk memberi pendidikan kepada puterabumi Sabah. K. Bali menyeru kepada puterabumi Sabah untuk membaca kerana membaca itu merupakan jambatan ilmu. Jika diteliti, K. Bali mempunyai pengetahuan luas kerana rajin membaca pelbagai dimensi ilmu pengetahuan tanpa mengira konteks bahasa, budaya dan agama. Tambah beliau, jika kita terlalu memilih bahan bacaan atau menapis bahan bacaan kita, maka ia akan membantutkan proses penerimaan dan melimitasikan pemikiran kita, tegasnya, (Sabah Times (1993).

Masih meneliti konteks tersirat wacana beliau di atas, puterabumi Sabah perlu untuk mempelajari ilmu kehidupan bermasyarakat. Ironinya, Sabah dilabel sebagai sebuah negeri yang mempunyai komposisi kaum multietnik: Dusun, Kadazan, Bajau, Bugis, Irranun, Orang Sungai dan Kedayan. Termasuk migran Eropah, Cina dan sebilangan kecil India. Masing-masing dengan level pendidikan, Eropah sudah tentu berkelas, diikuti Cina dan India. Jadi, dimanakah letaknya kedudukan pencapaian puterabumi Sabah dalam aspek pendidikan yang menjadi tunjang kehidupan ini? Hal ini cuba ditonjolkan oleh K. Bali dalam penulisannya. K. Bali melihat bahawa golongan terkebelakang dalam menerima segala bentuk pelajaran

yang berguna adalah puterabumi Sabah. Lazimnya, seperti yang kita sendiri ketahui pendidikan itu memihak kepada golongan yang disebutkan di atas. Hal ini disifatkan bahawa, kurangnya keinginan puterabumi Sabah memajukan diri sendiri untuk bangsa dan negara. Dalam hal ini, K. Bali terus giat menyemai bibit-bibit kesedaran kepada puterabumi Sabah agar terus berusaha menghapuskan sifat kurangnya minat akan pendidikan (pelajaran sepanjang hayat). Puterabumi harus keluar daripada kelalaian dan kepompong untuk kemajuan hidup sejagat. Seperti yang disampaikan secara tegas oleh K. Bali berikut:

Di Dunia Sekarang
Kalau Kita Mahu Hidup
Perlu Kita Ucapkan "Selamat Datang"
Kepada Setiap
Perlumbaan
Persaingan
Pertentangan
Kita Perlu Lawan
Tak Terhitung Kalah atau Menang (K. Bali, 1999).

Harapan besar K. Bali agar pendidikan secara berterusan harus ditanamkan dalam diri puterabumi Sabah. Pelbagai usaha luhur yang ditonjolkan K. Bali mengingatkan puterabumi Sabah melalui karya-karya penulisannya: berbentuk wacana, puisi mahupun sajak khas menyampaikan mesej pentingnya hidup secara harmonis dan optimis. Ia seiring dengan matlamat hidup sebagai panduan umum yang harus diteladani oleh semua. K. Bali memberikan contoh yang harus diikuti dan dijadikan sebagai teladan meliputi duniawi juga ukhrawi.

Manusia adalah makhluk pencari kesusahan
Sesuatu yang didapati difikirkan tak bernilai
Yang sukar didapati dikatakan tinggi nilainya
Segala yang dihayati didapati.

Selangkah Kaki Memijak Bumi
Kita Telah Menumpang Bumi Tuhan
Menggembaralah Kita Ke Mana-Mana Sahaja
Jika Kita Baik dan Rajin Rezeki Mengunjungi Kita (K. Bali, 1999).

Jika diteliti, K. Bali kerap mengulangi kepentingan pendidikan sebagai asas kepada ilmu pengetahuan yang menjadi bekalan sepanjang hayat. Di setiap penulisannya, beliau akan memuatkan pengajaran berguna yang boleh dijadikan sebagai panduan puterabumi Sabah, secara sedar mahupun tidak sedar. Beliau akhiri pandangan beliau berikut:

> Mencari Ilmu Pengetahuan
> Dalam Hidup Ini
> Kita Perlu Belajar Dari Alam
>
> Mencari Ilmu Pengetahuan
> Tiada Sempadan dan Tiada Hujung Tepi
> Untuk Mencapai kesempurnaan Hidup
> Manusia Semestinya Berusaha Bersama (K. Bali, 1999).

Kesimpulan

Secara tuntasnya, perjuangan dan pemikiran K. Bali dapat dibahagikan kepada dua: anti-kolonialisasi dan menolak superioriti Malaya. Jika difahami dalam konteks zaman K. Bali tersebut, dapat ditafsirkan bahawa K. Bali berpegang teguh soal pemurnian terhadap sosiobudaya Melayu, sekaligus autonomi wilayah Melayu. Kekangan yang dihadapinya adalah ketika menyesuaikan ideologi baharunya dengan cakupan masyarakat multietnik di Sabah. Komposisi etnik pelbagai ini menjadi perkiraan serius untuk meneruskan ideologi 'Bangsa Sabah'. Usahanya ini dapat dilihat melalui karya penulisan dan rencana yang diterbitkan dalam akhbar tempatan berbahasa Melayu. Dalam pada masa yang sama, ia selari dengan dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan Sabah di bawah pimpinan ketua menteri Sabah yang pertama iaitu Tun Datu Mustapha Haji Harun. Kerajaan ingin meningkatkan dan memperluas akan penggunaan bahasa Melayu di Sabah, walaupun berbeza bahasa, budaya dan agama.

Tindakan yang diambil sangat signifikan pada zaman tersebut, K. Bali menggunakan ruangan akhbar sebagai wadah penyebaran ideologi dalam memperjuang bahasa Melayu, peningkatan taraf sosial dan mempertahankan autonomi wilayah melalui kunci pembebasan dalam erti kemerdekaan sebenar. Berita baik yang diterima oleh K. Bali adalah melalui penyatuan Tanah Melayu dan Sabah menjadi bangsa Malaysia pada tahun 1961, namun K. Bali melihat ia sebagai suatu

bentuk neo-kolonialisasi. Sama seperti sifat kolonialisasi yang ditolak olehnya. Oleh itu, K. Bali tidak putus untuk menyuntik semangat kemerdekaan dalam hati sanubari masyarakat lokal yang diterjemahkan melalui penulisan sama ada berbentuk sajak, puisi dan rencana. Hari demi hari, terbit bibit kesedaran masyarakat multietnik dan akhirnya memperjuang pembebasan penjajahan yang telah terpatri pada 16 September 1963 (Sabah merdeka). Seruan K. Bali dianggap selesai dalam konteks zamannya.

Senarai Rujukan

Arkib dan Dokumen Kerajaan

Sabah Times. (1993). *Kalau disebut "Bodoh" Marah!*. 9 Disember.

Sabah Times. (1993). *K. Bali Menulis: Kapital dan Kapitalisma*. 23 Disember.

Sabah Times. (1993). *K. Bali Menulis: Membaca apa saja.* 5 Disember

Sabah Times. (1993). *K. Bali Menulis: Kekayaan Orang Berakal.* 1 Disember.

Buku dan Jurnal

K. Bali. (1973). *Debar Berombak.* Kota Kinabalu: Borneo Publication Sdn Bhd.

K. Bali. (1991). *Syurga Idaman.* Kuala Lumpur: Nusantara Publising Sdn Bhd.

K. Bali. (1993). *Restu Dari Langit.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

K. Bali. (1999). *Puisi 1991-1994 Gadis.* Kota Bahru Kelantan: Pustaka Dewan Puisi.

K. Bali. (2002). *Dari Tendong Ke Borneo.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yamamoto Hiroyuki. (2001). Foreigners' Nationalism in Malaysia: Donald Stephens and K. Bali in Making of Sabah Nationhood. *Sejarah: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya.* Vol. 9: 49-70.